

IPO 1MDB rangsang pasaran

» Kehadiran
pelabur
institusi beri
kestabilan



**RITA BENOY
BUSHON**

Tawaran awam permulaan (IPO) yang akan dilancarkan Malaysia Development Berhad (1MDB), aset menara telekomunikasi Axiata dan Westports, boleh memberi sedikit petunjuk sama ada senario pasaran masih menggalakkan berbanding pelaburan dalam aset pendapatan tetap yang secara tradisinya lebih selamat, lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran serantau yang tidak menentu pada masa ini.

Ia boleh menerangkan kehadiran pelabur institusi dalam IPO itu yang memberi kestabilan situasi pasaran serantau yang agak tidak menentu. Namun, peluang juga perlu dipanjangkan kepada pelabur runcit untuk menyertai tawaran itu.

Minggu lalu, kami memberi komen di media mengenai saham syarikat dari China yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Diniaga bawah paras IPO

Untuk makluman, ada sembilan syarikat sebegini dan semuanya diniagakan di bawah paras harga IPO. Ada antaranya mempunyai perniagaan yang berdaya maju dan mencatatkan keuntungan dengan nilai nisbah harga pendapatan (PE) yang rendah.

Justeru, kami berpandangan bahawa syarikat berkenaan perlu terus menghasilkan nilai untuk pemegang sahamnya bagi mengesahkan persepsi negatif terhadap syarikat dari China.

Syarikat berkenaan perlu

menganjurkan lebih banyak sesi taklimat untuk memaklumkan pelabur mengenai syarikat mereka, bersikap telus serta memberi dividen yang berpatutan dan konsisten untuk menarik pelabur.

Dalam hal berasingan, saya ingin berkongsi laporan mengenai 'Women in leadership across the Commonwealth' (Wanita dalam Kepimpinan di Komanwel) oleh Majlis Perniagaan Komanwel-ACCA.

Pangkalan data Komanwel
Antara cadangannya ialah untuk mewujudkan pangkalan data di Komanwel bagi wanita yang sedia untuk menyertai lembaga pengarah dan memantau pembangunannya.

Kami bagaimanapun melihat sokongan yang diberikan oleh lembaga pengarah syarikat ke arah mencapai matlamat itu masih rendah di rantau ini.

Sebagai contoh, Malaysia hanya mempunyai 8.7 peratus wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah pada 2012.

Sudah tiba masanya bagi lembaga pengarah menangani isu ini secara serius dan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga.

Isu kepelbagaian gender sememangnya satu daripada aspek pengurusan risiko. Lembaga pengarah tidak boleh lagi mengabaikan elemen tadbir urus korporat ini.

Dalam senario antarabangsa, Larry Summers menarik diri sebagai calon berpotensi menggantikan Ben Bernanke sebagai Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat.

Ini meletakkan Timbalan Pengerusinya, Janet Yellen, sebagai calon utama menjawat jawatan berkenaan.

Yellen dilihat lebih condong terhadap mengekalkan kadar faedah yang rendah untuk lebih lama dengan merangka program belian bonnya secara berperingkat.

Berikutan itu, kita menyaksikan kadar faedah Rizab Persekutuan tidak meningkat seperti dijangkakan. Ini menyebabkan pasaran serantau meningkat seperti dijangka.

Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)